



KPT
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

POLITEKNIK
Jabatan Pengajian Politeknik

**DASAR DAN PRINSIP
JAMINAN KUALITI
PROGRAM PENGAJIAN**

**JABATAN PENGAJIAN POLITEKNIK
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

**DASAR DAN PRINSIP
JAMINAN KUALITI
PROGRAM PENGAJIAN**

**JABATAN PENGAJIAN POLITEKNIK
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Jabatan Pengajian Politeknik dan institusi dibawah kawalannya komited dalam peningkatan kualiti secara berterusan ke atas program pengajian politeknik yang ditawarkan bagi menerajui pengajian Latihan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) negara.
- 1.2 Dasar dan Prinsip Jaminan Kualiti disediakan untuk memberi panduan kepada pemimpin, staf akademik (PPPT) dan staf sokongan dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab mereka bagi memastikan kualiti akademik dicapai, dipertahan dan dipertingkatkan, selaras dengan aspirasi negara, spesifikasi kurikulum pengajian, kriteria standard akreditasi dan kerangka kelayakan yang ditetapkan.

2.0 PERNYATAAN DASAR

Politeknik komited dalam memastikan jaminan kualiti akademik dilaksanakan bagi mengekal dan mempertingkatkan kualiti program pengajian yang ditawarkan secara berterusan.

3.0 SKOP

Dasar ini digunapakai oleh semua pemimpin, staf akademik (Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Tinggi) serta staf sokongan di Jabatan Pengajian Politeknik dan institusi di bawah kawalannya dalam melaksanakan program pengajian yang ditawarkan di politeknik

4.0 DEFINISI

4.1 Jaminan Kualiti

Jaminan kualiti merangkumi tindakan-tindakan sistematik dan terancang bertujuan menunjukkan bahawa kualiti dicapai, dipertahan dan dipertingkatkan, selaras dengan standard khusus pengajaran dan juga pengalaman pembelajaran pelajar.

5.0 PRINSIP-PRINSIP PELAKSANAAN

5.1 Jaminan Kualiti Program Pengajian

Jaminan kualiti ke atas program pengajian yang ditawarkan dilaksanakan untuk memastikan spesifikasi kurikulum pengajian, kriteria penilaian standard akreditasi dan kerangka kelayakan dipatuhi bagi melahirkan graduat yang berkualiti. Jaminan kualiti akademik dikekalkan dan ditambahbaik secara berterusan melalui perancangan, pemantauan dan penambahbaikan yang dilaksanakan secara terancang dan sistematik.

5.2 Kepimpinan Jaminan Kualiti Program Pengajian

Jawatankuasa Jaminan Kualiti Politeknik atau yang setanding dengannya diwujudkan bagi memimpin dan menyelaraskan penjaminan kualiti program pengajian di peringkat politeknik, jabatan dan program. Usaha ke arah peningkatan kualiti dan menilai keberkesanan proses pembelajaran dan pengajaran (P&P) diterajui, dipantau dan diselaraskan secara berstruktur dan bersistematik.

5.3 Akreditasi Sementara Program Pengajian

Permohonan Akreditasi Sementara dilaksanakan ke atas program pengajian baharu yang ditawarkan di sesebuah politeknik. Dokumentasi merangkumi maklumat umum politeknik, program dan standard program perlu disediakan oleh politeknik berkaitan apabila Jabatan Pengajian Politeknik meluluskan penawaran program baharu di politeknik. Permohonan Akreditasi Sementara perlu dikemukakan ke Agensi Kelayakan Malaysia sebelum program baharu tersebut ditawarkan.

5.4 Audit Kualiti Dalam Program Pengajian

Audit Kualiti Dalam Program Pengajian dijalankan sekurang-kurangnya sekali untuk setiap program pengajian yang ditawarkan di politeknik bagi setiap kitaran pengajian. Semakan ke atas dokumen dan rekod, temuduga pemimpin program, staf akademik, staf sokongan, pelajar dan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar disamping lawatan ke fasiliti pembelajaran dan pengajaran dilaksanakan. Status pencapaian matlamat serta hasil pembelajaran dilaporkan berdasarkan garis panduan amalan baik dan keperluan kriteria penilaian dalam standard akreditasi.

5.5 Laporan Penilaian Kendiri

Penilaian Kendiri Program Pengajian dijalankan sekurang-kurangnya sekali untuk setiap program pengajian yang ditawarkan di setiap tahun terakhir kitaran pengajian. Laporan Penilaian Kendiri (SRR) meliputi keperluan kriteria penilaian dalam standard akreditasi dan disediakan mencakupi aspek :

- Kekuatan program dalam mencapai matlamatnya;
- Bidang yang perlu diberi perhatian;
- Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan program;
- Langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi bidang bermasalah; dan
- Kesimpulan dan cadangan untuk penambahbaikan.

5.6 Akreditasi Penuh Program Pengajian

Permohonan Akreditasi Penuh dilaksanakan ke atas program pengajian baharu yang ditawarkan di sesebuah politeknik apabila kumpulan pertama pelajar program berkenaan memasuki tahun akhir pengajian. Dokumentasi merangkumi maklumat umum politeknik, program, standard program dan laporan penilaian kendiri perlu disediakan oleh politeknik berkaitan sebelum permohonan Akreditasi Penuh dikemukakan ke Agensi Kelayakan Malaysia. Politeknik perlu membuat persediaan sewajarnya untuk menerima lawatan penilaian program.

5.7 Semakan Semula Kurikulum

Semakan semula kurikulum dijalankan seawal setahun selepas sesuatu kurikulum program pengajian ditawarkan dan selewat-lewatnya satu tahun selepas satu kitaran program pengajian berkenaan. Semakan semula dilakukan ke atas keseluruhan kandungan kurikulum mengambil kira pandangan serta keperluan pihak yang berkepentingan termasuk bahagian penilaian disesuaikan dengan keperluan pengetahuan, kemahiran praktikal dan kemahiran generik / insaniah terkini.

5.8 Maklumbalas Majikan

Maklumbalas majikan graduat politeknik di analisa dan dilaporkan bagi mendapatkan maklumat mengenai status pencapaian matlamat program pengajian semasa penawaran. Laporan maklumbalas majikan disediakan dan tindakan penambahbaikan berterusan secara terancang dan sistematik dilaksanakan bagi mempertingkatkan kualiti pemberian perkhidmatan pembelajaran dan pengajaran (P&P) secara keseluruhan.

5.9 Kajian Pengesanan Graduat

Kajian Pengesanan Graduat memberi penumpuan terhadap destinasi graduat, prestasi kebolehpasaran graduat, penilaian tahap kepuasan graduat terhadap perkhidmatan dan kemudahan prasarana yang disediakan, pelaksanaan sistem pengajian, keupayaan pensyarah serta keberkesanan pembelajaran di politeknik. Laporan Kajian Pengesanan Graduat disediakan dan tindakan penambahbaikan berterusan secara terancang dan sistematik dilaksanakan bagi mempertingkatkan kualiti pemberian perkhidmatan pembelajaran dan pengajaran (P&P) secara keseluruhan.

5.10 Ciri-Ciri Graduat

Semua pengalaman pembelajaran secara formal dan tidak formal di sepanjang pengajian perlu membolehkan pelajar memiliki ciri-ciri berdasarkan tahap kelayakan seperti yang dinyatakan dalam Kerangka Kelayakan Malaysia sebelum dianugerahkan dengan pengiktirafan formal persijilan berkaitan.

6.0 DOKUMEN-DOKUMEN BERKAITAN

- 6.1 Kurikulum Program Pengajian
- 6.2 Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF)
- 6.3 Kod Amalan Akreditasi Program (COPPA)
- 6.4 Prosedur Penilaian Kendiri Program Pengajian Politeknik
- 6.5 Kod Amalan Audit Institusi (COPIA)
- 6.6 Standard Program
- 6.7 Prosedur Operasi Standard Bagi Penawaran Program Pengajian Baharu

7.0 PERNYATAAN KUATKUASA

Dasar dan Prinsip Jaminan Kualiti ini dikuatkuasakan kepada semua pemimpin, staf akademik (PPPT) serta staf sokongan di Jabatan Pengajian Politeknik KPT dan institusi di bawah kawalannya mulai sesi Disember 2011.

8.0 LAIN-LAIN

- 8.1 JPP berhak mengubah Dasar dan Prinsip ini dari semasa ke semasa.
- 8.2 Dasar dan Prinsip Jaminan Kualiti Program Pengajian Jabatan Pengajian Politeknik disemak sekurang-kurangnya setiap 3 tahun bagi memenuhi keperluan serta kehendak semasa dengan mengambilkira semua pihak berkepentingan.

Disediakan oleh : **Bahagian Kecemerlangan Instruksional**
Disokong oleh : **Anggota Persidangan Pengarah-Pengarah**
Disahkan oleh : **JK Pengurusan Jabatan Pengajian Politeknik**
Tarikh di sahkan : **8 November 2011**